

# Laman sesawang *UTM terbaik*



Oleh Sabri Ahmad

bhvarsiti@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mencatat satu lagi kejayaan apabila diumumkan sebagai penerima tempat pertama Webometrics Ranking of World Universities (Julai 2011) oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), baru-baru ini.

Pengumuman itu dibuat oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam Majlis Amanat Tahun Baru 2012 yang berlangsung

di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Zaini Ujang, berkata pemilihan UTM sebagai penerima anugerah itu menyuntik semangat kepada universiti berkenaan menambah baik kandungan laman sesawang mereka bagi memberikan maklumat yang berkesan kepada pengunjungnya.

"Pengiktirafan oleh Webometrics pada Julai lalu menunjukkan UTM mendahului institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan lain. Ia seharusnya menjadi penyuntik semangat kepada semua IPT untuk memberikan pelbagai maklumat dengan lebih tepat yang diperlukan pengunjung laman sesawang mereka.

"Penilaian dibuat oleh Webometrics merangkumi aspek kandungan bahan, rujukan, visibiliti dan kesarjanaan menerusi aktiviti melalui ruang siber," katanya.

Prof Zaini berkata, antara kaedah diambil kira bagi menentukan ke-

dudukan universiti dalam penarafan terbaik berdasarkan kandungan, bilangan fail, kesenangan untuk diakses dan tahap kesarjanaan warga universiti berkenaan.

Dalam penarafan Webometrics diumumkan pada 30 Julai 2011, UTM menduduki tangga teratas dalam kalangan universiti di Malaysia, diikuti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dalam peringkat global pula, UTM menduduki tangga 419, USM (428), UKM (462), UM (552) dan UPM (589) membabitkan 20,000 IPT seluruh dunia.

Sepuluh tangga teratas dibolot universiti dari Amerika Syarikat menerusi Institut Teknologi Massachusetts (MIT) disusuli Harvard, Stanford, Cornell, Berkeley, Michigan, Wisconsin Madison, Washington, Minnesota dan Pennsylvania.

PROF Zaini (kiri) menerima anugerah Webometrics daripada Mohamed Khaled dalam majlis MATBKPT di PIC, Putrajaya baru-baru ini.